

DEWAN MAJLIS**Khamis, 1 Jamadilakhir 1437 / 10 Mac 2016****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari yang kelima, Khamis 1 Jamadilakhir 1437 bersamaan 10 Mac 2016 didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang semula bagi hari yang kelima di Majlis Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Saidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat, berserta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan pada pagi ini akan terus sahaja dahulu membincangkan Perkara V, iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Pada persidangan yang diadakan pada sebelah pagi semalam kita telah menyelesaikan 3 Soalan Yang Telah Diberi Notis yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, khususnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Seperti lazimnya perbincangan ini hanya akan diadakan selama 30 minit sahaja. Maka pada pagi ini kita terus sahaja menyambung perbincangan ke soalan-soalan berikutnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu Soalan Jawab Mulut No.8 oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Tajuk yang kaola akan suarakan pada pagi ini ialah Pelaburan

Asing Langsung (*FDI*) ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada awal tahun 2016 mengenai usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara secara menarik Pelabur Langsung Asing (*FDI*) dan penubuhan Pusat *SME, Darussalam Enterprise*, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, telah menggariskan beberapa strateginya. Antara lain ialah mempelawa dan menyediakan tapak-tapak bagi kemudahan Pelabur Langsung Asing (*FDI*) untuk memulakan pelaburan mereka di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola ialah:-

1. Setakat ini berapa banyakkah sudah Pelabur Langsung Asing yang telah melabur di Negara Brunei Darussalam?;
2. Jika sambutan dari Pelabur Langsung Asing kurang menggalakkan, apakah sebab-sebabnya dan adakah dibuat sebarang kajian mengenainya?;
3. Berapa banyakkah pengusaha-pengusaha tempatan yang diberi peluang bekerjasama (*joint venture*)

dengan Pelabur Langsung Asing setakat ini? ;dan

4. Apakah butir-butir yang dipersyaratkan oleh Pelabur Langsung Asing yang ingin melabur ke Negara Brunei Darussalam?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad atas soalan yang bersangkutan paut dengan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Soalan ini juga berhubung kait dengan pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim pada hari kelmarin. Memandangkan beberapa isu dan latar belakang mengenai dengan *FDI* telah dibahaskan kelmarin terutamanya dalam mukadimah saya dan juga rakan saya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Saya hanya akan menjawab secara spesifik sahaja pada soalan yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Semenjak tahun 2010 sebanyak 6 buah syarikat *FDI* telah pun

beroperasi di Negara Brunei Darussalam iaitu *Syarikat Aman Shipping, Syarikat Brunei Methanol, Syarikat CAE Multipurpose Training Center, Syarikat Gold Coin, SBI Islamic Fund* dan *Syarikat Simpor Pharma*.

Pihak kerajaan juga merupakan pemegang saham kepada *Brunei Methanol Company* melalui *Syarikat Brunei Petroleum* dan *Syarikat Aman Shipping, Syarikat CAE, SBI Islamic Fund* dan *Syarikat Simpor Pharma* melalui *Strategic Development Capital*, Kementerian Kewangan. Untuk makluman Dewan juga, *Syarikat Aman Shipping, Syarikat CAE, SBI Islamic Fund* dan *Syarikat Simpor Pharma* adalah syarikat yang dibawa oleh *Strategic Development Capital* ke Negara Brunei Darussalam. Syarikat-syarikat ini telah menjana jumlah pelaburan secara keseluruhan sebanyak BND\$1.15 bilion dan telah menghasilkan 346 peluang pekerjaan dan sehingga penghujung tahun 2015, 6 buah syarikat *FDI* ini telah berjaya mejana pendapatan sebanyak \$178 juta.

Sambutan pelabur asing kurang menggalakkan, apakah sebab-sebabnya? dan adakah sebarang kajian mengenainya? Memang diakui setakat ini belum ada kajian khusus mengenai *FDI* dilaksanakan. Walau bagaimanapun seperti saya nyatakan kelmarin jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dan Industri Hiliran telah memulakan kajian untuk mengenal pasti kaedah-kaedah yang efektif dalam penyediaan *platform* yang telus

(*transparent*) dan memperkemas *streamline* untuk *FDI*;

Berapa banyak pengusaha-pengusaha tempatan yang diberi peluang kerja bersama *joint venture* dengan Pelabur Langsung Asing, setakat ini belum banyak pengusaha tempatan yang diberi peluang *joint venture FDI* daripada 6 syarikat pelabur asing tersebut di atas. *Syarikat Gold Coin Sdn Bhd* dan *Simpur Pharma Sdn Bhd* mempunyai penyertaan usaha sama peniaga-peniaga tempatan. Pihak kerajaan akan memastikan setiap *FDI* yang melabur di Brunei akan menjana perusahaan-perusahaan sampingan *spin off* kepada pengusaha-pengusaha *SME* tempatan Brunei mewujudkan peluang pekerjaan anak-anak tempatan terutama sekali meningkatkan hasil pendapatan Negara; dan

Apakah butir-butir yang dipersyaratkan oleh Pelabur Langsung Asing yang ingin melabur ke Negara Brunei Darussalam. Pada umumnya butir-butir yang dipersyaratkan bagi syarikat Pelabur Langsung Asing yang ingin melabur di Negara Brunei Darussalam seperti berikut:-

1. Pengecualian cukai yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui insentif pelaburan di bawah *investment incentive* 2001. Pihak kerajaan juga telah mengadakan insentif cukai seperti rebat cukai ataupun *tax rebate* bagi syarikat-syarikat yang mengambil anak tempatan untuk berkerja di syarikat-syarikat mereka;

2. Tarif keutamaan seperti harga sewa tanah, air dan tenaga elektrik;
3. Perkongsian pelaburan yang disediakan oleh kerajaan melalui dana strategik *development capital* Kementerian Kewangan; dan
4. Pekerja mahir yang mempunyai kelayakan khusus dalam bidang yang relevan.

Kerjasama dengan *National Manpower Consult* nanti adalah penting di sini untuk memastikan kemahiran pekerja-pekerja tepat bagi pekerjaan dikehendaki oleh pelabur asing. Pihak kerajaan juga mengenakan syarat-syarat tertentu bagi (*FDI*) mengeluarkan keluaran eksport dan mengambil pekerja-pekerja tempatan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.10 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Pengerusi. Kaola ada satu soalan iaitu Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB*). Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pada 27 Jun 2014 yang lalu, satu majlis menandatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman antara Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

(*BEDB*) dengan *Dongchul Co Ltd Limited (Korea)* telah diadakan di *Royal Brunei Polo and Country Club* di Jerudong.

MOU ini ialah untuk membina kilang aluminium bertempat di Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam di Daerah Tutong dan akan memerlukan sebanyak 500 orang pekerja. Saya ingin tahu, sejauh manakah kilang ini beroperasi dan berapa orangkah anak tempatan yang berkelulusan dalam bidang ini sebagai pemulaan diambil bekerja? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf yang membangkitkan Projek *Dongchul Co Ltd Limited (Korea)* di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

Seperti yang dimaklumkan dalam soalan Yang Berhormat, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara (Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei) dengan *Dong Yang Company Limited Korea* yang diadakan pada 27 Jun 2014 untuk projek yang dicadangkan iaitu pembinaan sebuah Kilang Aluminium di Negara Brunei Darussalam.

Berikutan dengan penandatanganan tersebut kelulusan telah diberikan pada 27 November 2014 untuk meneruskan projek tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu berkaitan dengan keperluan gas asli serta tenaga elektrik. *Dongchul Co Limited (Korea)* telah bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun berikutan keadaan ekonomi dunia yang agak tidak menentu dan akibat kejatuhan harga minyak, syarikat berbagai bangsa *multinational company* secara am mengambil langkah berhati-hati dengan membuat penilaian wajar *due diligent* sebelum membuat sesuatu pelaburan, maka dengan itu *Dongchul Co Limited (Korea)* meminta tempoh sehingga tahun 2018 untuk meneliti dan mengkaji semula projek yang dicadangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat prasarana asas seperti penyediaan tapak di Bukit Panggal sudah tersedia dan kerajaan tidak semestinya bergantung pada *Dongchul Co Limited (Korea)* sahaja kerana tapak ini bolehlah dimanfaatkan keperluan projek-projek *FDI* yang lain. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimulikan Jurutulis: Soalan No.11 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebelum saya mengemukakan soalan ini, sebenarnya telah ada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan soalan yang saya nyatakan tetapi kerana ia merupakan Soalan Yang Diberi Notis terlebih awal maka saya kemukakan di Dewan yang mulia ini.

Penubuhan Pusat Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) difokuskan keutamaannya kepada memajukan pengusaha tempatan sama ada pengusaha yang sedang meningkat maju atau mereka yang baru berjinak-jinak dengan bidang perniagaan dan keusahawanan yang memerlukan bimbingan, latihan dan bantuan kewangan dan seumpamanya.

Antara mereka yang terlibat dalam bidang ini ialah golongan kaum wanita pelbagai peringkat termasuk ibu-ibu tunggal. Soalan saya, bagaimanakah pusat ini berperanan membantu golongan wanita secara khusus dalam meningkatmajukan bidang keusahawanan atau perniagaan yang mereka ceburi? Adakah terdapat dalam pelan perancangan dalam pusat ini untuk mengadakan dana khusus atau seumpamanya dalam berusaha menyuntik semangat dan membantu dari segi kewangan demi kejayaan pembangunan PKS di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas soalan dan keprihatinan Yang Berhormat Datin tentang isu Pusat *SME*.

Dalam beberapa hari Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada tahun ini isu penubuhan, isu Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) iaitu *Darussalam Enterprise* telah pun dibahaskan panjang lebar. Oleh yang demikian saya akan menyentuh mengenai isu-isu yang spesifik sahaja seperti yang soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin.

Dalam membantu golongan wanita secara khusus 81 peratus iaitu 13 ahli daripada Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARE* terdiri daripada sektor swasta yang 31 peratus iaitu 5 ahli daripadanya adalah terdiri daripada golongan wanita. Golongan wanita yang dilantik dalam Lembaga *DARE* ini adalah antara ahli-ahli perniagaan yang berjaya di Negara Brunei Darussalam. Pengalaman dan kepakaran mereka akan memberi panduan kepada *DARE* dalam merangka program-program yang boleh memperkasakan peniaga-peniaga tempatan termasuklah pengusaha-pengusaha wanita di negara ini

melalui *focus session* yang akan diadakan dalam masa yang terdekat ini.

Soalan yang kedua, adakah terdapat dalam pelan perancangan pusat ini untuk mengadakan dana khusus umpamanya dalam usaha menyuntik semangat dan membantu dari segi kewangan demi kemajuan pembangunan PKS (*SME*) di negara ini?

Bagi menjawab soalan ini, pembantuan dari segi kewangan bagi pembangunan *SME* secara ringkasnya: Proses mereviu dan mengkaji semula keberkesanan program bantuan yang telah diperkenalkan terdahulu sedang dijalankan oleh *DARE*. Langkah ini bertujuan menyediakan program bantuan yang bersesuaian dan menepati keperluan bagi menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan tempatan. Program bantuan ini perlu dikemaskinikan dari segi proses kriteria permohonan dan keberkesanannya. Program bantuan ini juga telus (*transparent*) dan dipantau supaya bantuan dapat digunakan untuk keperluan bisnes saja.

Pihak kerajaan sememangnya sudah berusaha memberikan bantuan kepada *SME* melalui Skim Pinjaman Kewangan. Bantuan ini bukan dari segi *grant* tetapi pinjaman sahaja yang perlu dibayar balik. Seseengah individu telah mengambil kesempatan untuk tidak membayar pinjaman mereka. Perkara ini amatlah menyedihkan kerana perangai seseengah individu berkenaan menyukarkan pihak kerajaan bagi memutarakan modal yang diperlukan

bagi menjalankan skim kewangan untuk perusahaan tempatan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Antara penemuan terbaharu, lulusan skim kewangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dahulu telah diluluskan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang tidak memahami analisis komersial daripada pihak bank yang menyediakan kemudahan pinjaman kewangan. Kebanyakan tunggakan berpunca daripada pinjaman yang diluluskan oleh pihak kerajaan yang telah *over ruled* keputusan pihak bank yang sebenarnya tidak meluluskan pinjaman berkenaan.

Oleh yang sedemikian, kerja-kerja kajian semula ini akan diterajui juga oleh pihak-pihak swasta seperti Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe* dan pihak bank dengan kepakaran *financial analysis* bersama mereka. Dalam pada ini, saya juga telah mengambil kesempatan dalam beberapa sesi muzakarah dengan beberapa usahawan *online* semalam, mereka bersetuju dengan arah tuju program bantuan pinjaman.

Pihak kerajaan sedang meneliti beberapa jalan untuk membantu *SME* melalui pelaburan daripada *venture capitalist* dan penubuhan bank khas untuk *SME*. Insya-Allah, kerja-kerja kajian semua ini akan dapat diselesaikan pada tahun ini.

Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Mulut Yang Telah Diberi Notis. Soalan No.19 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Pensijilan Produk Halal. Industri halal adalah satu sektor yang dikenal pasti untuk membangun dan mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Kadar pertumbuhan dunia dalam industri halal meningkat dengan ketara dan dianggarkan sekitar US\$1.4 *trillion*. Kira-kira 1.8 *billion* orang yang beragama Islam di dunia yang mewakili 25 peratus produk dunia mencetuskan peningkatan dalam permintaan produk dan perkhidmatan halal. Dengan pesatnya pertumbuhan dan permintaan itu, Negara Brunei Darussalam hendaklah membuat pelbagai inisiatif supaya boleh berjaya menembusi dalam industri produk halal dunia.

Walaupun Negara Brunei Darussalam sudah pun mewujudkan Pensijilan Halal Brunei, yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan penubuhan jenama Brunei Halal untuk makanan dan farmaseutikal dan industri kosmetik oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tetapi yang dikeluarkan oleh 2 agensi yang bersaing, ianya menimbulkan kekeliruan kepada pelabur-pelabur asing dan juga

syarikat asing tentang Pensijilan Halal Brunei dan jenama Brunei Halal tentang perkataan makna "Halal". Kekeliruan ini sudah pasti akan menjejaskan terhadap keberkesanan pemasaran produk-produk *Brunei Halal* di luar negeri.

Saya ingin bertanya:

1. Dengan mengambil kira perkara di atas dan untuk mengatasi keliruan penggunaan perkataan "HALAL". Adakah pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan membuat cadangan untuk mengubah jenama atau *brand Brunei Halal?*; dan
2. Adakah agensi-agensi kerajaan yang lain membuat cadangan untuk membuat jenama atau *branding* bagi semua produk-produk buatan Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar atas keprihatinan Yang Berhormat dengan isu yang berhubung dengan jenama Halal Brunei. Lebih dahulu izinkan saya memberi sedikit penjelasan terhadap kedua-dua

jenama halal Yang Berhormat maksudkan tadi.

Seperti jua Yang Berhormat telah nyatakan, memang diakui terdapat kekeliruan mengenai jenama-jenama atau pun logo-logo halal keluaran Negara Brunei Darussalam. Dua jenis logo yang dimaksudkan ini ialah logo Pensijilan Halal (*purple logo*) dan logo jenama *Brunei Halal (green logo)* iaitu logo yang berwarna hijau. Ada pun kedua-dua logo ini memainkan peranan yang berlainan seperti berikut:-

- i. Bagi logo Pensijilan Halal iaitu *purple logo*, merupakan tanda pensijilan. Logo ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam Brunei dan dikeluarkan bagi menandakan mana-mana produk yang telah diperiksa atau diaudit secara terperinci oleh pegawai-pegawai agama dan teknikal, serta didapati telah memenuhi hukum syara'; dan
- ii. Manakala logo jenama *Brunei Halal (green logo)* pula merupakan logo komersial bagi maksud perdagangan sama seperti *Nestle, Cadbury, Cambell* dan sebagainya yang dipunyai oleh Syarikat *Wafirah Holding Sendirian Berhad* sebuah syarikat milik kerajaan.

Untuk mendapatkan logo ini mana-mana syarikat tempatan dan luar negara akan perlu berkerjasama dengan syarikat *Ghanim International Cooperation Sendirian Berhad* sebuah anak Syarikat *Wafirah Holding* bagi produk-produk yang dipersetujui untuk dikeluarkan

di bawah jenama Brunei Halal. Produk-produk di bawah jenama ini akan menjalani pengauditan terperinci bukan sahaja dari kehalalan produk bahkan juga dari kilang syarikat-syarikat pengeluar dimestikan untuk mempunyai persijilan *ISO*, persijilan *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)* dan juga mengamalkan *Good Manufacturing Practise (GMP)*.

Dengan memenuhi kriteria-kriteria ini, produk-produk syarikat akan diaudit bagi mendapatkan Persijilan Halal dari Majlis Ugama Islam Brunei. Kedua-dua logo ini mesti ada dalam setiap pembungkusan produk *packaging* bagi setiap produk yang memegang nama Brunei Halal.

Ahli Yang Berhormat, pada kesimpulannya kedua-dua logo ini adalah berbeza dari segi fungsi dan tujuan. Logo Persijilan Halal keluaran Majlis Ugama Islam Brunei adalah khusus bagi memastikan produk-produk yang telah memenuhi kehendak hukum syarak, manakala jenama Brunei Halal pula adalah sebagai jenama komersial atau tanda perdagangan (*trademark*).

Kekeliruan antara jenama Brunei Halal dengan logo Persijilan Halal Brunei yang dimiliki oleh Majlis Ugama Islam Brunei ini, sememangnya akan ditangani bersama dengan agensi-agensinya yang tertentu dan langkah-langkah juga akan dikenal pasti bagi mengadakan satu persijilan halal sahaja baginya dan dibezakan daripada Brunei Halal. Perkara ini insya-Allah akan diteliti lebih lanjut lagi bersama dengan pihak-pihak

yang berkepentingan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei.

Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah sangat dihargai. Insya-Allah akan ada pensejajaran dalam menetapkan hanya satu persijilan halal untuk digunakan.

Ada lagi 2 soalan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ialah tentang adakah kerajaan membuat cadangan untuk jenama *Branding* bagi semua produk buatan Brunei secara menyeluruh?

Menyentuh soalan ini sama ada kerajaan akan membuat atau tidak. Jawapannya tidak pada masa ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis No.21 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Kali kedua kaola berdiri di sini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang kaola akan utarakan ialah produktiviti koperasi dipertingkatkan. Mengikut akhbar "Media Permata" bertarikh 18 Mac 2015 bahawa produktiviti koperasi dipertingkatkan kerana ada beberapa faktor menyebabkan gerakan

koperasi di negara ini semakin lemah. Antara lain ialah disebabkan urus tadbir kurang berkesan kerana tidak taratur dan kurang efisien dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti sesebuah koperasi.

Ini boleh diatasi dengan meningkatkan kecekapan urus tadbir produktiviti koperasi dengan mengadakan program latihan dan penyelidikan khusus bagi gerakan koperasi secara berterusan. Melaksanakan program kerjasama dengan koperasi di Malaysia dan beberapa institut di Jepun dan merangka satu projek yang dilakukan oleh pembangunan koperasi di bawah Jabatan BINA.

Saya bertanya sejauh ini apakah tindakan-tindakan yang sudah dilaksanakan terutama sekali kepada koperasi yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan belia di negara ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai dengan tindakan yang telah diambil. Setakat ini usaha bagi meningkatkan produktiviti koperasi

khususnya koperasi yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan belia;

1. Antara tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ialah menyediakan program latihan dan pendidikan, khusus dalam koperasi secara berterusan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam urus tadbir dan aktiviti perniagaan koperasi termasuklah Koperasi Belia. Antara program latihan dan kursus yang telah dikendalikan ialah penyediaan rancangan perniagaan, asas pengurusan strategik, asas simpan kira dan perakaunan koperasi, tugas dan tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi dan pengenalan juru audit dalaman;
2. Mengadakan program bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Sendirian Berhad (ANGKASA). Dalam program ini pihak ANGKASA telah membawa bersama beberapa Koperasi Malaysia dengan produk-produk keluaran masing-masing. Pihak koperasi di negara ini turut diberi kesempatan untuk menjadi ejen bagi produk-produk berkenaan di negara ini. Program ini juga dapat membuka ruang kepada para belia yang terlibat dalam koperasi untuk menambahkan kegiatan perniagaan. Setakat ini hanya satu program sahaja yang telah dijalankan bersama dengan pihak ANGKASA iaitu program *Business Matching* bagi semua koperasi-koperasi di negara dan ia tidak

mengkhususkan kepada persatuan belia; dan

3. Pada tahun 2016, pihak kerajaan kini giat merancang beberapa usaha bagi pembangunan koperasi. Ia termasuklah melibatkan koperasi sebagai ahli kepada kumpulan kerja rakan penggerak koperasi bagi menyediakan program sepanjang tahun. Seperti program *Business Matching* di antara koperasi dan pengusaha-pengusaha Kotej menubuhkan pusat edaran bagi produk-produk koperasi dan kotej penjenamaan koperasi dan program memperkasa koperasi.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin memberi gambaran sebenar mengenai isu *monopoly* saham bagi kepentingan individual tertentu dalam sebuah koperasi. Perkara ini nampaknya sudah menjadi kebiasaan dalam beberapa koperasi dalam Bab 26, Akta Syarikat Kerjasama dan Undang-Undang Kecil Koperasi. Ia menyatakan seorang ahli tidak boleh memegang saham lebih daripada 20 peratus jumlah modal saham yang terkumpul dalam koperasi berkenaan.

Walaupun pemegang-pemegang saham ini mungkin memegang tidak lebih daripada 20 peratus jumlah modal saham dan tidak menyalahi akta berkenaan, kadangkala pemegang 20 peratus saham berkenaan dipegang oleh individu tertentu sahaja dan tidak dibukakan kepada orang ramai.

Saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini

untuk sama-sama memikirkan apakah koperasi begini digalakkan? Bukankah tujuan awal koperasi ini ditubuhkan dan dihasratkan bagi memberikan peluang kepada rakyat untuk menyertai dalam bisnes koperasi dan bukan untuk kepentingan sesetengah individu sahaja. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa Soalan Yang Telah Diberi Notis yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan yang telah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri pun menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu.

Seperti yang kita maklumi bahawa semalam, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016/2017, maka pada pagi ini saya bercadang untuk meneruskan perbincangan itu lagi dan bagi membolehkan kita membincang dan meneliti Rang Undang-Undang itu satu persatu, maka sekarang saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016/2017 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Dalam mesyuarat di peringkat Jawatankuasa yang diadakan pada petang semalam, kita telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk dari Jabatan Perdana Menteri dan kemudiannya Kementerian Pertahanan. Sekarang kita akan beralih kepada Tajuk-Tajuk seterusnya.

Yang Dimulikan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Sebelum itu, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua) ingin menyampaikan mukadimahya berhubung dengan kementerian yang berkenaan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu

kaola ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan dalam penyediaan Rang Belanjawan bagi Tahun 2016/2017. Kaola berterima kasih atas peruntukan sebanyak \$124,944,570.00 yang disediakan untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan termasuk peruntukan bagi 43 buah perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri bagi tahun ini.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan mengamalkan penggunaan peruntukan secara terbaik dalam melaksanakan tugas dan peranannya untuk mendukung dasar dan menjaga kepentingan negara di arena antarabangsa. Yang Berhormat Pengerusi, kementerian juga akan terus berusaha dan menyokong matlamat kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara bagi mendukung pembangunan yang berterusan bagi rakyat dan penduduk negara.

Dalam perkara ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menyokong dasar ekonomi negara. Kementerian juga akan melaksanakan inisiatif-inisiatif perekonomian serantau dan antarabangsa seperti komuniti ekonomi ASEAN dan perkongsian *Trans Pacific Partnership (TPP)* yang ditandatangani pada 4 Februari 2016 di *Auckland, New Zealand* baru-baru ini.

Kedua-duanya ini akan menyokong perkembangan ekonomi negara dalam

menarik pelabur asing. Meningkatkan perdagangan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat terutama belia. Kaola ingin menyentuh sedikit Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Perjanjian *TPP*. Lebih dahulu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dalam memberi sokongan dan *input* dan juga menjadi perunding-perunding utama dalam bab-bab atau isu-isu yang di bawah tanggungan mereka.

Ini termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, *AMBD*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Kementerian Perhubungan, *AiTi*, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan.

Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam menangani Perjanjian *TPP* adalah kerana sumbangan, sokongan dan kerjasama baik yang diberikan oleh pegawai-pegawai kerajaan berkenaan dalam perundingan *TPP* yang dijalankan selama 5 tahun. Perjanjian *TPP* ini merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas antara 12 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli *TPP* mewujudkan pasaran yang terdiri daripada 800 juta penduduk dan gabungan *GDP* sebanyak 40 peratus dari keseluruhan *GDP* Dunia. Apabila perjanjian ini dilaksanakan, iaitu *rectified* ia akan membuka pasaran bagi produk-produk keluaran Negara Brunei Darussalam dan akan menjana pertumbuhan ekonomi dengan membawa manfaat kepada orang-orang kita.

Satu lagi digelar Komuniti Ekonomi *ASEAN*, kementerian terus mendukung penubuhan Komuniti Ekonomi *ASEAN* selaras dengan Wawasan 2035 untuk meningkatkan kemahiran, kualiti hidup dan pendapatan rakyat.

Penghujung tahun 2015, Komuniti Ekonomi *ASEAN* telah tertubuh. Rantau *ASEAN* dengan penduduknya seramai 622 juta menjadi satu gabungan ekonomi yang bersepadu. Inisiatif ini berhasrat untuk mewujudkan pembangunan ekonomi yang saksama merapatkan jurang ekonomi *ASEAN* dan menjana pertumbuhan inklusif melalui dasar-dasar yang menyokong perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana. Yang Berhormat Pengerusi, atas penerangan itu, kaola berharap Rang Peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan 2016/2017 dapat diluluskan. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) atas kenyataan yang telah dibuat itu. Ahli-ahli Yang Berhormat. Di hadapan saya ada senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membahaskan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). Untuk memulakannya saya sekarang menjemput Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Setelah kita mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri, di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), ini sebagai ulangan yang sejelas-jelasnya. Pada membahaskan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), kaola sesungguhnya tertarik mengenai *TPP*. Sebanyak 12 negara telah menyertainya, termasuk Negara Brunei Darussalam yang telah ditandatangani pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand.

Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang kaola dapati bahawa inti pati sepanjang yang kaola ikuti melalui TV1, Negara jiran Malaysia ialah antara lain:

1. Kemasukan pelabur-pelabur; dan
2. Peluang pekerjaan dan lain-lain.

Perkara ini telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi. Sehubungan dengan ini, apakah negara kita sudah bersedia ke arah ini? Sekiranya tidak ada halangan bahawa apa jua kiranya dapat diperjelaskan secara terperinci untuk pengetahuan kita bersama. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Saya silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), atas mukadimah yang telah diberikan. Kaola ada beberapa isu yang hendak ditimbulkan:-

1. Melalui laman web Bahagian Perdagangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Dasar Perdagangan Antarabangsa Brunei, ialah mencari pasaran dan mengenal pasti peluang-peluang perniagaan di luar negara bagi peniaga-peniaga tempatan. Sementara *Key Performance Indicator (KPI)* yang

digunakan oleh Bahagian Perdagangan seperti yang tersenarai di dalam buku Jadual Anggaran Hasil Perbelanjaan 2016/2017, ialah jumlah misi perdagangan dan pelaburan yang dikendalikan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 sebanyak 15 pameran telah dikendalikan di 6 buah negara. Bagi tahun-tahun berikutnya, jumlah pameran ditingkatkan kepada 20.

Soalan kaola sejak Bahagian Perdagangan ditubuhkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, pada tahun 2005, berapakah jumlah *bussiness deals* yang berjaya dirundingkan oleh Bahagian Perdagangan antara pengusaha-pengusaha tempatan dengan negara-negara asing?; dan

2. Untuk mengenal pasti peluang-peluang perniagaan di luar negeri bagi pengusaha-pengusaha tempatan, pada pendapat kaola tugas dan tanggungjawab ini akan lebih berkesan jika dijalankan oleh Jabatan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri kerana ia lebih memahami kedudukan pengusaha-pengusaha tempatan, kelemahan, kekuatan serta keupayaan mereka dan seterusnya mengenal pasti, mengetahui dan memahami cita rasa perindustrian yang akan dimajukan di negara ini.

Dari itu, bagi menjimatkan kewangan kerajaan, dan yang lebih penting ialah untuk menjayakan usaha kerajaan menggalakkan *SME*

berkembang di negara ini dan di luar negara. Kaola mencadangkan supaya Jabatan Perdagangan dipindah dan disatukan di bawah satu bumbung dengan Jabatan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri. Sementara promosi-promosi perdagangan boleh dijalankan melalui kerjasama antara kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negeri dengan Jabatan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, kerana telah memberikan penjelasan dengan terperinci mengenai dengan *TPP*. Apa yang ingin kaola tanyakan saja, selain agensi-agensi kerajaan yang telah dilibatkan dalam meneliti *TPP*, kenapa sektor swasta yang akan terlibat dengan secara langsung, tidak disertakan atau tidak dilibatkan sama dalam meneliti *TPP*? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mempunyai pejabat suruhanjaya dan

kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam, beberapa buah negara sahabat dan seterusnya sebagai wakil atau agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola sukacita memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menegaskan kerajaan harus dan perlu agresif menarik Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) dan usaha mempelbagaikan ekonomi. Agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menarik pelabur asing ke negara ini ialah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan dibantu oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Kaola sukacita mencadangkan Perwakilan-Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri agar dapat melengkapkan dengan pegawai-pegawai yang bersesuaian dalam bidang perdagangan dan pelaburan. Diharapkan juga agensi-agensi kerajaan di luar negara seperti *Brunei Investment Agency (BIA)* dan juga *Royal Brunei (RB)*, bekerjasama dan berkongsi maklumat perdagangan bagi mengatasi perekonomian Negara Brunei Darussalam dan memainkan peranan dalam mempromosikan perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerusi Jabatan Ekonomi Berbagai Hala memberi sokongan dan memudahkan misi luar Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan dan aktiviti promosi pelaburan seperti mengatur, menyelaraskan aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan termasuk penyertaan dalam ekspo antarabangsa, pameran bergerak promosi di luar negara, keluar dan masuk perdagangan dan misi-misi pelaburan.

Soalan kaola:-

1. Selain dari promosi perdagangan minyak dan gas dan aktiviti promosi pelaburan dan perdagangan, adakah boleh lepasan pengajian tinggi yang masih belum mendapat pekerjaan supaya diberi peluang pekerjaan

di negara-negara *ASEAN* umpamanya, untuk mengajar Bahasa Melayu atau pekerjaan lain dengan mengadakan Memorandum Persefahaman secara berkontrak seperti mana juga yang dilakukan pengajaran Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain oleh orang luar ke negara ini.

Dengan cara ini, insya-Allah selain memberi peluang pekerjaan juga akan memperkembangkan dan memartabatkan bahasa Melayu di rantau Nusantara ini. Selain itu, apabila mereka kembali ke tanah air pengalaman yang diperolehi di luar negara dapat digunakan dalam pembangunan negara ini;

2. Apakah skop bantuan yang dapat diberikan oleh Konsul Agung atau Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara terhadap mana-mana lawatan bukan jabatan atau kementerian, misalannya, lawatan meninjau perusahaan yang berkaitan Satu Kampung Satu Produk bagi rombongan Ahli Majlis Perundingan Mukim atau Majlis Perundingan Kampung ke luar negara?; dan
3. Kaola ingin tahu, berapakah jumlah dan apakah jenis jawatan pegawai dan kakitangan sokongan bagi kedutaan atau perwakilan negara di setiap negeri berkenaan?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Oleh sebab soalan kaola yang pertama ada persamaan dengan soalan yang telah dikemukakan oleh rakan Yang Berhormat sebelum ini, kaola hanya menambah iaitu kaola ingin memberi sokongan atas cadangan supaya Jabatan Perdagangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dipindahkan ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana kaola berpendapat kementerian tersebut lebih arif tentang profil peniaga-peniaga tempatan.

Sementara itu, kaola ingin bertanya mengenai perwakilan-perwakilan asing sama ada yang menetap di negara ini ataupun tidak, adakah mereka mengambil peranan proaktif atas usaha yang kita sedang dan akan usahakan ini?. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sejak perkara mengenai perdagangan menjadi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, nampaknya perdagangan di negara kitani Brunei Darussalam semakin melebar dalam kalangan serantau dan antarabangsa. Tahniah diucapkan.

Kaola ada beberapa soalan:-

1. Bagaimanakah peluang dan ruang bagi anak-anak tempatan bersaing dengan pengusaha luar negara dalam perdagangan antarabangsa, sama ada peluang-peluang pelaburan, *tender* dan sebagainya dalam konsep perdagangan sehala, dua hala dan berbagai hala?;
2. Relevankah jika sekiranya setiap *tender* yang dikeluarkan oleh negara kitani di peringkat antarabangsa, orang luar yang menyertai *tender* tersebut dimestikan mempunyai rakan kongsi anak tempatan?; dan
3. Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mempunyai statistik peniaga-peniaga tempatan terutama dalam kalangan bumiputera Melayu yang berpengkalan di luar negara?.

Itu sahaja soalan-soalan kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan, Yang

Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam pemesyuaratan negara pada tahun-tahun lepas, ada antara Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyuarakan mengenai persempadanan dengan negara-negara jiran. Setelah kaola perhatikan dalam imej satelit, ada antara kawasan-kawasan negara kita di sebelah barat itu termasuk dalam kawasan negara jiran kitani. Sebahagian kecil ladang-ladang yang diterokai oleh penduduk-penduduk di negara jiran kitani pun ada termasuk dalam kawasan kitani.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengetahui bagaimanakah kedudukan perkara tersebut pada masa ini?. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola ringkas, apa pandangan *Foreign Investment* tentang kemudahan perniagaan di negara kitani Brunei Darussalam dari segi infrastruktur yang terdapat di negara ini seperti sistem perhubungan, perbankan, *culture system* dan kemudahan-kemudahan yang lain?

Tadi sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), dengan tertubuhnya Komuniti *ASEAN*, adalah diharapkan negara kitani akan dapat merebut peluang ini dengan menggalakkan penduduk negara ini untuk mencari pekerjaan terutama sekali lepasan universiti baik di dalam dan luar negeri bagi memenuhi hasrat kitani sebagai komuniti *ASEAN*. Terima kasih, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekarang ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
Ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengarkan keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun membuat pertanyaan-pertanyaan tertentu. Maka dengan itu,

saya ingin menangguhkan mesyuarat ini dahulu bagi membolehkan kita berehat dan kita akan sambung semula mesyuarat ini dalam 30 minit yang akan datang.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat berehat
sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat di sambung
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita untuk meneruskan perbincangan bagi meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)
(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis Mesyuarat sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan tadi untuk berehat kita telah membahaskan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah membuat kenyataan dan pertanyaan terhadap Tajuk ini.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) ingin untuk memberikan kenyataan pula terhadap soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan itu.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas soalan-soalan, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh 8 orang Ahli Yang Berhormat dan kaola mencadangkan Yang Berhormat untuk menjawab dan memberi pendapat dalam 4 atau 5 *area* saja.

Perkara yang banyak ditimbulkan ialah berkenaan dengan *TPP*. Awal-awal tadi saya ada memberi sedikit penerangan mengenai *TPP* dan untuk memberi penjelasan yang lanjut mengenai soalan daripada 3 atau 4 Ahli-ahli Yang Berhormat tadi iaitu soalan-soalan berkenaan dengan faedah-faedah,

manfaat berkenaan dengan *TPP* dan kaola selajurkan dengan *BIMP EAGA*, *ASEAN Economic Community 2015* dan *APEC*. Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan sudah bertahun-tahun berunding mengenai pertubuhan-pertubuhan tersebut selama ini.

Apa yang sebenarnya perundingan ini, apa hasilnya dan apa pula faedahnya:-

1. Membuka pasaran atau *increase market access*. Kita sedar Negara Brunei Darussalam, hanya mempunyai 400 ribu penduduk. Dalam perundingan-perundingan ini seperti *ASEAN Economic Community*, *populatiomnya* 622 juta, *TPP* bagi 12 negara 800 juta penduduk, *APEC* 2.7 bilion penduduk dan *ARSET* masih lagi dalam perundingan dan jika dipersetujui akan mengandungi 3.4 bilion *populatiomnya*.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah ikut serta dalam perundingan-perundingan tersebut membuka pasaran. Pasaran ini adalah seperti 3.4 bilion dibandingkan dengan 400 ribu itu memanglah banyak;

2. Menyokong eksport bukan minyak dan gas. Minyak dan gas penjualannya, promosinya semua sudah teratur dan telah dikendalikan oleh *Brunei Shell Petroleum*, *BLNG* dan lain-lain. Macam mana kita untuk *diversify* ekonomi kita daripada minyak dan gas ini dan hasrat kita di kementerian ini adalah

bagaimana kita menyokong, *how do we diversify our economy*;

3. Dalam pandangan-pandangan ini, kita juga melihat dan mempelajari *best practices* iaitu amalan-amalan yang terbaik supaya kita dapat juga berkecimpung di negara-negara luar macam mana kita belajar. Yang penting ialah *Regulatory Best Practices* kerana pelabur-pelabur ingin melihat *practice-practice* itu;
4. Satu lagi faedah ialah berkenaan dengan *conducive Business and Investment Environment*. Oleh sebab pelabur-pelabur ingin tahu macam mana *predictable* dan dengan ini kita dapat meningkatkan pelaburan yang akan dapat menambah peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan; dan
5. Kita dapat meningkatkan daya saing produk negara, kita *increase competitiveness*, jadi kualiti-kualiti barangan tempatan memenuhi *standard* antarabangsa bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran antarabangsa.

Barangkali soalan-soalan yang banyak diajukan oleh Yang Berhormat, apakah menjadi *members* dalam *TPP* ini selain faedah-faedah apa yang sebenarnya. Jadi kalau mengikut kajian daripada *World Bank* yang diterbitkan dalam bulan Januari 2016, Negara Brunei Darussalam merupakan negara ke 3 yang paling mendapat manfaat daripada *TPP*, selepas Vietnam dan Malaysia.

Dalam anggaran mereka *GDP* ekonomi negara diramalkan akan berkembang dalam anggaran 5 peratus menjelang tahun 2030. Jadi kaola ada salinan mengenai kajian ini dan kaola dapat berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang *interested*. Dengan *detail* apa faedah-faedahnya. Yang Berhormat Pengerusi, saya terangkan kesemuanya berkenaan dengan *TPP*, *BIMP EAGA* dan juga *ASEAN Economic Community*, *ARSEP* dan *APEC*, dan itulah keseluruhan perundingan yang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan laksanakan selama ini.

Soalan ke-2, Yang Berhormat Pengerusi, yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan promosi perdagangan. Ada 2-3 cadangan supaya Jabatan Perdagangan ini yang dalam Bahagian Promosi dan lain-lain dapat dipindahkan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola ingin menerangkan sedikit apa yang jabatan ini telah buat dan tanggungjawabnya:-

1. *Exposure Brunei products and services to international event*, iaitu pendedahan barangan dan perkhidmatan tempatan kepada acara antarabangsa. Kementerian ini telah membantu syarikat-syarikat tempatan dengan mempromosikan barangan dan perkhidmatan masing-masing di arena antarabangsa seperti ekspo dan pameran. Contoh bantuan yang diberikan adalah seperti memudahkan penyertaan

syarikat-syarikat dan penyediaan *booths*; dan

2. Bantuan teknikal dan peningkatan keupayaan. Bantuan daripada pusat-pusat promosi *ASEAN-Japan*, *ASEAN-Korea* dari segi pakar-pakar teknikal untuk meningkatkan kualiti dan piawaian barangan dan perkhidmatan tempatan, contohnya:-

- i. Pembungkusan (*packaging*) daripada pusat promosi *ASEAN-Japan*; dan
- ii. Membantu meningkatkan kefahaman untuk menarik lagi pelancong dari pusat promosi *ASEAN-Korea*;

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah membuat perundingan dengan agensi-agensi tertentu. Sejak tahun 2011 Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah membantu 248 syarikat-syarikat tempatan untuk menyertai 39 ekspo dan pameran perdagangan di peringkat antarabangsa.

Soalan yang seterusnya ditanya ialah berkenaan dengan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan darat antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia. Secara ringkas sahaja, kerja-kerja pembatasan sempadan darat antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia sedang giat dilaksanakan. Dalam usaha ini, pihak Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah bekerjasama dengan baik

melalui Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan, yang berfungsi membincangkan, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja teknikal sempadan.

Pengukuran dan pembatasan tanah ini dijalankan secara berperingkat-peringkat dan sepanjang sempadan mengikut keutamaan terma rujukan teknikal dan prosedur yang dipersetujui bersama. Ini melibatkan pasukan ukur dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia untuk masuk ke tempat-tempat yang berkenaan di bahagian sempadan dan membuat kerja-kerja pengukuran bersama *joint-survey*, sebelum membuat pembatasan, penandaan sempadan iaitu *joint-remarktation*, ini dijangka akan mengambil masa 5-7 tahun. Dalam hal ini sukacita dimaklumkan, bahawa sehingga kini sebanyak 388 biji tanda batu sempadan telah selesai dipersetujui dan ditanam dengan jumlah jarak sepanjang 16.1 km.

Soalan yang terakhir ialah cadangan supaya kalau dapat *graduates* yang pada masa ini masih menunggu pekerjaan, kalau mereka dapat diambil untuk mengajar Bahasa Melayu di negara-negara *ASEAN*. Ini memanglah cadangan yang baik dan yang sebenarnya sudah berjalan dalam 2 tahun yang lepas dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan terima kasih dan kita harap skim ini akan berjalan lancar. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sudahpun mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). Saya sekarang berpendapat bahawa ada baiknya Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) tidak dapat hadir pada sebelah pagi ini atas urusan-urusan rasmi. Maka mesyuarat Jawatankuasa segera berpindah ke Jadual seterusnya dan sekarang kita akan membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Tajuk ini kita bukakan untuk dibincangkan, maka saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin untuk membuat kenyataan mukadimahya mengenai cadangan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Alhamdulillah Hirrabbil Alamin Wassala Tuwassalam Muala Saidina Muhammadin Wa Ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 sebanyak \$147,395,040.00.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah membentangkan dengan jelasnya peruntukan ini semasa sesi pembentangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016/2017. Alhamdulillah, dengan usaha-usaha kerajaan yang amat mengutamakan keperluan berhema dalam keadaan ekonomi yang sungguh mencabar pada masa ini, peruntukan yang

diluluskan adalah tepat dan mendukung sasaran yang berhemah.

Izinkan kaola menyampaikan sedikit mukadimah supaya kedudukan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2016/2017 akan lebih jelas. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari jumlah peruntukan sebanyak \$147,395,040.00.

Peruntukan Gaji Kakitangan adalah sebanyak \$94,810,640.00 ataupun 67.57 peratus, Perbelanjaan Berulang-Ulang \$45,506,048.00 atau 32.43 peratus dan selebihnya Perbelanjaan Khas iaitu \$7,078,352.00. Selaras dengan dasar perbelanjaan berhemah dalam peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara adalah penting bagi kementerian ini untuk memastikan segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan menggunakan kaedah *Programme and Performance Budgeting* mengikut keperluan sebenar dan keutamaan yang berasaskan kepada Penunjuk Utama Prestasi atau *KPI* kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Dengan adanya program ini, jabatan-jabatan diharap akan dapat meningkatkan prestasi masing-masing. Misalannya usaha bagi menambah hasil pendapatan dengan mengukuhkan pengurusan dan pemantauan kutipan hasil sekali gus mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain tunggakan. Kita perlu mengambil langkah untuk sentiasa keluar daripada zon keselesaan

dengan memberi penekanan kepada ketangkasan bekerja, ketetapan dan keberhasilan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan menguatkuasakan undang-undang negara. Penghasilan kerja kita juga perlu berteraskan *outcome* dengan kesan yang *significant*, nilai tambah serta peningkatan secara berganda. Adalah diharap inovasi dan kreativiti akan sentiasa menjadi asas warga kementerian ini dalam mempertingkatkan lagi prestasi kerja, kualiti dan produktiviti.

Dalam usaha kementerian ini untuk menuju matlamat Wawasan 2035, beberapa projek telah dikenal pasti berpandukan kepada 6 tema matlamat strategi kementerian. Bidang-bidang yang dikenal pasti merupakan keutamaan dari segi peruntukan, perancangan strategik dan operasional dan ini termasuk penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan.

Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah disebutkan antara lainnya boleh dilihat dari sudut kuasa-kuasa tempatan dan perbandaran dibawah Tajuk - SE02A, Tajuk - SE03A dan Tajuk - SE04A. Dan keselamatan dan kesejahteraan di bawah Tajuk SE05A, Tajuk SE10A, Tajuk SE11A dan Tajuk SE12A.

Dibawah Tajuk SE02A, Tajuk SE03A dan Tajuk SE04A iaitu Kuasa-Kuasa Tempatan dan perbandaran sebanyak \$62,852,547.00 atau 42.64 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dipohonkan bagi tujuan untuk

meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat serta penduduk yang melibatkan masyarakat di peringkat akar umbi, memajukan perbandaran dan meningkatkan prasarana yang kondusif bagi perniagaan.

Di bawah Tajuk SE05A, Tajuk SE10A, Tajuk SE11A dan Tajuk SE12A iaitu keselamatan dan kesejahteraan adalah sebanyak \$84,542,493.00 atau 57.36 peratus daripada jumlah keseluruhan. Jumlah yang dipohonkan termasuk penguatkuasaan undang-undang, memelihara keselamatan masyarakat termasuk pengawalan keluar masuk warga asing, pencegahan kebakaran, pengurusan bencana alam, memantapkan keupayaan sumber manusia dan pemulihan banduan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil beberapa langkah untuk sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan dan dalam usaha kementerian ini menggerakkan jenteranya, beberapa cabaran telah dikenal pasti. Bagi menghadapinya kementerian ini menterjemahkan cabaran-cabaran ini kepada peluang-peluang dalam beberapa bentuk inisiatif atau projek-projek yang diutamakan.

Antara inisiatif kementerian ialah meningkatkan *Ease of Doing Business* sebagai langkah berterusan untuk mempermudah, memulakan dan menjalankan perniagaan. Kementerian ini bersama Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri telah menyelaraskan

bagi pemansuhan Akta Lesen Perniagaan penggal 127, 2015 bagi 7 aktiviti perniagaan yang mana dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016. Dengan ketetapan ini, diharap agar para peniaga akan lebih aktif dalam membantu menyumbang kepada mengembangkan perekonomian negara.

Selain *Ease of Doing Business*, dari segi penjanaan ekonomi di peringkat mukim dan kampung, kementerian ini akan terus berusaha meningkatkan keberhasilan Projek Satu Kampung, Satu Produk dengan melaksanakan rancangan meningkatkan tiket termasuk pemasaran dari aspek pembungkusan (*packaging*) yang lebih menarik dan juga penghasilan secara skala besar bagi menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Dengan adanya program-program sedemikian ia akan meningkatkan keupayaan masyarakat mukim dan kampung dalam menjana perekonomian masyarakat ke arah sara diri dan bantu diri dan seterusnya bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat.

Di peringkat nasional pula, alhamdulillah beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan tuntutan hasil kerajaan telah pun dilaksanakan. Di antaranya mengkaji semula dasar dan tatacara pelaksanaan cukai bangunan bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan seterusnya meneliti semula cukai bangunan agar dapat mengurangkan permasalahan peningkatan dalam jumlah tunggakan

cukai bangunan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di samping membantu negara meningkatkan penjana ekonomi. Kementerian ini juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan bagi mengawal keselamatan dan kesejahteraan penduduk secara amnya. Beberapa strategi digunakan untuk kementerian memperbaiki keselamatan sempadan dan melindungi ancaman-ancaman lain kepada keselamatan kebangsaan, keselamatan ekonomi dan keselamatan awam.

Dalam konteks membantu memantapkan kawalan sempadan, penguatkuasaan undang-undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bergiat aktif, bergerak secara dinamik dan bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi membanteras pesalah imigresen demi keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan negara.

Beberapa strategi bagi meningkatkan keselamatan sempadan termasuk menguatkuasa undang-undang imigresen dengan lebih tegas, memperketatkan prosedur keselamatan di pos-pos kawalan dan koordinasi bersepadu antara jabatan dan membanteras jenayah rentas sempadan dan bekerjasama dengan agensi berkenaan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrant*.

Di samping itu juga, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan agensi-agensi lain berusaha untuk menjamin dan mempercepatkan kemasukan pelancong dan peniaga-peniaga kerana ia merupakan pemacu kepada kemakmuran ekonomi negara. Ini terbukti, dengan meningkatnya jumlah pelancong dan peniaga yang masuk ke negara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan ini adalah kemudahan pengecualian visa bagi pelancong dari negara-negara *ASEAN* dan juga penggunaan *e-gate*.

Penggunaan *e-gate* ini akan memudahkan dan mempercepatkan lagi proses keluar/masuk *automated border crossing*. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan terus meneliti dan menilai penggunaan *passport biometrik* untuk meningkatkan keselamatan sempadan. Dalam konteks membantu keselamatan awam, Jabatan Penjara bertanggungjawab melindungi orang-orang awam dengan menahan penghuni institusi penjara melalui prasarana yang kukuh dan selamat serta menjalankan program-program pemulihan yang disediakan seperti penyediaan infrastruktur dan kompleks penjara yang baharu dan seterusnya memantapkan sistem keselamatan melalui sistem dan peralatan keselamatan yang lebih berkesan.

Jabatan Penjara juga memastikan kesejahteraan bekas penghuni institusi penjara, dengan menubuhkan "Program Prabebas" dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan atau *stakeholders* yang berkenaan bagi membantu bekas

penghuni dalam mendapatkan hala tuju kerjaya setelah dibebaskan.

Alhamdulillah, pada masa ini beberapa rakan seliaan iaitu bekas banduan sedang dalam proses pemilihan jawatan-jawatan tertentu melalui kerjasama Jabatan Penjara dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid iaitu melalui perkhidmatan kaunseling dan seliaan. Selain membantu menjaga keamanan negara, kementerian ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan kesiapsediaan dan daya ketahanan (*resilience*) kebangsaan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*).

Beberapa program telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesiapsediaan kebangsaan dengan memperkasa individu dan masyarakat untuk menguatkan dan mengekalkan kesiapsediaan mereka sendiri membina dan mengekalkan keupayaan-keupayaan utama kebangsaan. Alhamdulillah, program-program yang dijalankan oleh *NDMC* khususnya untuk masyarakat dan orang awam iaitu *Community Base Disaster Risk Management* dilaksanakan sejak tahun 2009 dan *School Base Disaster Risk Management* dilaksanakan sejak tahun 2012 mendapat sambutan yang amat menggalakkan hingga ke hari ini. Agensi ini juga telah mengagihkan Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagai sebahagian

daripada komitmen kementerian khususnya dalam meningkatkan dan memantapkan keupayaan sumber tenaga manusia dan penjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan pelbagai inisiatif telah pun dijalankan oleh Jabatan Buruh dan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) melalui penggunaan sistem teknologi maklumat yang sedia ada seperti *Labour Control System (LCS)* supaya profil syarikat dan pekerja tersedia dan mudah diakses dan *System Electronic Labour Exchange (ELX)* bagi mempercepatkan *job-matching*. Kedua-dua sistem ini telah diperkenalkan pada tahun 2015 dan akan sentiasa dipantau agar ia selari dengan keadaan semasa.

Di bawah agenda ini juga, beberapa dasar telah diperkenalkan seperti menetapkan peratus pekerja asing mengikut zon bandar dan luar bandar, pembekuan jawatan-jawatan tertentu bagi memberikan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan dan pemotongan kouta pekerja asing yang tidak digunakan.

Insya-Allah *system levy* yang masih di bawah penelitian kementerian ini akan diperkenalkan dengan objektif sistem ini boleh membantu mengawal kemasukan tenaga pekerja asing dan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Dalam memastikan perbelanjaan berhema dan *value for money*, kementerian ini akan sentiasa memastikan kesemua langkah atau strategi yang dijalankan akan mencapai visi Wawasan 2035.

Di samping itu juga, amat penting bagi Kementerian untuk membangunkan modal insan secara holistik merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian.

Berdasarkan peruntukan ini, kementerian ini akan berusaha sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jabatan dan agensi sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekpektasi rakyat khususnya pelanggan-pelanggan kementerian, jabatan dan agensi.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasallamuallahikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita baru sahaja mendengar keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai Tajuk - SE01A hingga Tajuk - SE12A.

Maka sekarang perbahasan dibukakan dan saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamuallahikum Waramatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima

kasih atas penerangan dan mukadimah yang telah disampaikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menerangkan keutamaan-keutamaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Belanjawan 2016/2017.

Izinkan kaola untuk menimbulkan kembali mengenai Pelan Induk Bandar Seri Begawan. Pihak-pihak yang berkepentingan menyambut baik dan menaruh harapan tinggi apabila Pelan Induk berkenaan dilancarkan pada tahun 2011 dan adalah dimaklumi Pelan Induk berkenaan adalah dalam peringkat pelaksanaan.

Memandangkan telah masuk 5 tahun sejak penyiapannya, kaola ingin mengetahui adakah telah dibuat penilaian mengenai kemajuan dan tindakan yang telah diambil dalam pmingplementasi Pelan Induk Bandar Seri Begawan ini. Adakah difikirkan perlu untuk mengkaji semula Pelan Induk berkenaan dengan mengambil kira keadaan semasa dari segi keutamaan atau prioriti dan perancangan?.

Dalam membantu perkembangan peniaga-peniaga kecil adakah termasuk rancangan infrastruktur fizikal dan rangkaian-rangkaian perkhidmatan bagi penempatan yang teratur dan selesa seperti tamu-tamu dan gerai-gerai makanan.

Khusus bagi perumahan Kampung Air, apakah rancangan masa pendek dan masa panjang untuk mengelakkan

bencana-bencana kebakaran, kerosakan-kerosakan disebabkan angin kencang dan kerobohan rumah yang berlaku dari semasa ke semasa dan yang bersangkutan dengan kawasan perbandaran masa kini iaitu ke arah mencapai keindahan, kebersihan dan suasana kondusif?

Adakah kerajaan merancang ataupun membuat peraturan yang mengkehendaki supaya setiap kompleks perniagaan mempunyai pegawai atau agensi khusus bagi pemeliharaan yang bertanggungjawab bagi memastikan keselesaan dan penampilan persekitaran kompleks perniagaan di kawasan perbandaran yang sentiasa terjaga dengan baik dan menarik?. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dalam pada masa ekonomi yang tidak memberangsangkan yang dijangkakan akan berlanjutan sehingga beberapa tahun, disarankan supaya semua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah proaktif untuk berjimat cermat. Ini termasuklah dalam mengungkuhkan acara-acara kenegaraan, acara-acara jabatan mukim dan kampung.

Misalannya, sambutan Hari Raya cukuplah di peringkat kementerian sahaja, begitu juga Hari Keluarga dan lain-lain. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita jemput sekarang Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Jawatan Ketua Kampung, kaola sukacita membangkitkan kekosongan jawatan Ketua Kampong yang kekosongan jawatan tersebut sudah bertahun-tahun tidak diisi, sebagai contoh Kampung Panchur Papan, Kg Panchur Dulit dan Pekan Tutong.

Selain daripada itu, banyak ketua-ketua kampung yang akan mencapai persaraan dan juga yang sudah melebihi usia persaraan. Perkara ini amat merisaukan kerana penduduk kampung tersebut amat sukar berkomunikasi dan mengadu masalah mereka. Sebagai contoh, untuk meminta pengesahan sesuatu permohonan yang memerlukan pengesahan dan tandatangan ketua kampung seperti pengesahan bermastautin, hal ehwal pernikahan, pengesahan permohonan bagi pencen tua dan lain-lain lagi.

Selain itu, penerima-penerima pencen terpaksa mengambil elaun pencen tua mereka ke rumah ketua kampung yang memangku dan kadang-kadang mereka pergi ke ketua kampung yang lain jika jawatan ketua kampung tersebut dipangku oleh ketua kampung yang lain. Kaola ingin bertanya:-

1. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini?;
2. Dengan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang baharu, sejauh mana penarikannya kepada orang ramai untuk memohon jawatan Ketua Kampung.; dan
3. Adakah kajian yang menyeluruh telah dibuat? Mengapa, orang tidak berminat untuk memohon dan dicalonkan jawatan Ketua Kampung.

Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Daerah Tutong. - Cadangan memperluaskan kawasan Pekan Tutong. Kaola pernah menimbulkan cadangan memperluaskan kawasan Pekan Tutong dalam Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2013 yang lalu.

Cadangan untuk memperluaskan kawasan Pekan Tutong telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bandaran Tutong sejak 15 tahun yang lalu. Tujuan memperluaskan kawasan ini ini untuk menjadikan Pekan Tutong bertaraf bandar.

Mengikut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri perkara ini akan

dibuat kajian oleh Kementerian berkenaan walaupun pelan ini dibuat oleh konsultan swasta.

Kaola ingin mengetahui hasil dari kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian; dan Bilakah cadangan peluasan kawasan Pekan Tutong akan dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu juga, sukacita kaola menarik perhatian Majlis, keluasan kawasan pekan Tutong adalah kira-kira 0.24 kilometer persegi atau 25 hektar yang ada masa ini seperti yang terkandung dalam buku Anggaran Belanjawan 2016/2017. Keramaian kakitangan Lembaga Bandaran Tutong sebanyak 60 orang dengan peruntukan sebanyak \$2.3 juta jika dibandingkan keluasan kawasan jumlah kakitangan dan peruntukan kewangan ia tidak seimbang dan jika dilihat secara keseluruhannya kebersihan kawasan bandaran ini masih tidak memuaskan.

Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong - Prasarana dan kemudahan-kemudahan awam Prasarana dan kemudahan awam di kawasan Pekan Tutong masih terabai. Kemudahan-kemudahan awam yang perlu diambil perhatian ialah:-

1. Jalan raya sekitar kedai didapati rosak dan berlubang-lubang;
2. Jalan raya penghubung dengan Jalan Enche Awang, simpang jalan berhadapan dengan Balai Polis Tutong dan melimpasi Sekolah Menengah Chung Hwa Tutong dengan jalan raya besar perlu dinaik taraf dan dilebarkan kerana banyak

kenderaan yang menggunakan jalan penghubung ini;

3. Tandas awam di Pantai Seri Kenangan tidak terpelihara;
4. Bangunan rumah kedai lama sebanyak 3 buah di Kampung Petani telah lama tidak digunakan dan ia menjadi *eye-sore* kepada pengunjung ke daerah ini. Pihak yang berkuasa diminta untuk menghubungi tuan punya rumah kedai tersebut dan memberi notis sama ada mereka ingin membangun semula rumah-rumah tersebut atau sebaliknya; dan
5. Tempat-tempat letak kereta di kawasan Hospital Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong perlu dibaiki. Kawasan ini digunakan oleh pengunjung-pengunjung hospital tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan kaola juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi. Yang Berhormat Pengerusi, ada 4 perkara yang akan kaola utarakan dalam Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:

Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Kaola akan menimbulkan 2 perkara:-

1. Mengenai isu ejen pengambilan amah ataupun pembantu rumah. Kaola telah banyak menerima laporan dalam perkara ini mengenai amah atau pembantu rumah yang di datangkan ke negara ini. Ada juga didapati tidak berkualiti dan juga ada penipuan-penipuan daripada ejen-ejen amah. Sebagai contoh, majikan telah membayar semua kos bagi mendatangkan amah tetapi ejen-ejen tidak dapat mendatangkan amah setelah pembayaran dibuat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan Buruh untuk menangani masalah ini dalam meringankan beban yang dihadapi oleh majikan?; dan
2. Mengenai pembayaran gaji amah atau pembantu rumah ketika ini ialah \$250.00 sebulan. Apa yang membimbangkan kepada majikan-majikan yang memerlukan perkhidmatan amah atau pembantu rumah ada juga kedengaran bahawa gaji amah atau pembantu rumah akan dinaikkan kepada \$350.00 sebulan. Kaola ingin tahu akan kesahihannya perkara ini. Bagi majikan-majikan yang benar-benar memerlukan perkhidmatan amah atau pembantu rumah di negara ini,

merayu di Dewan yang mulia ini, supaya gaji amah atau pembantu rumah kalau dapat dikekalkan sahaja kepada \$250.00 sebulan.

Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong. Yang Berhormat Pengerusi, sukacita izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, atas Anggaran Peruntukan Perbelanjaan 2016/2017 bagi Jabatan Daerah Temburong pada tahun ini adalah berjumlah \$5,140,480.00 atau \$5.1 juta.

Juga setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kaola kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Temburong kerana telah melaksanakan dan menyelesaikan beberapa projek yang dirancang melalui peruntukan tahun lepas antaranya seperti menaik taraf Kompleks Dewan Belalong, Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, membaik pulih Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar dan memasang pagar tamu Aneka Selera Pekan Bangar.

Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong, kaola akan mengutarakan satu perkara sahaja. Di dewan yang mulia ini, sukacita untuk kaola mencadangkan bagi diwujudkan Pusat Aktiviti Dan Perekonomian Warga Kampung Daerah Temburong. Pada pandangan kaola adalah bersesuaian diwujudkan bangunan Pusat Aktiviti dan Perekonomian ini untuk mengembangmajukan sosial ekonomi

masing-masing. Dalam perkara ini juga mana-mana kampung yang telah mempunyai balai raya adalah bersesuaian untuk dinaik taraf sebagai Pusat Aktiviti dan Perekonomian.

Di Daerah Temburong masih ada 6 buah kampung yang belum mempunyai balai raya atau Pusat Riadah Sosial Ekonomi atau Pusat Aktiviti untuk tempat anak-anak buah kampung berkumpul bermesyuarah:-

1. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Bagi penduduk tetap yang masih menunggu proses hingga 3 ke 4 tahun, bagi diiktiraf sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara pendaftaran di bawah Bab 5(12) Akta Taraf Kebangsaan. Setelah dimaklumkan oleh jabatan yang berkenaan, bahawa mereka lulus mengikut keputusan ujian Bahasa Melayu. Sukacita kaola ingin tahu, mengapa proses ini memakan masa yang lama? Adakah Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) diberikan di dalam perkara ini bagi yang lulus ujian untuk penerimaan sijil kerakyataan; dan
2. Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dengan terbinanya Jambatan Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan, perkembangan pembangunan di Daerah Temburong, landskapnya akan berubah. Seperti yang sudah

ada pada masa ini, Bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah siap ditempatkan di Kampung Batu Apoi Temburong dan akan menyusul pula nanti Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan juga dengan bertambahnya pula Skim Rancangan Perumahan Negara yang dibina untuk keperluan penduduk Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pandangan kaola kemampuan anggota Bomba dan Penyelamat dan kelengkapan anggota bomba dan penyelamat belum cukup untuk menangani bencana skala besar Daerah Temburong dengan bertambahnya bangunan dan penduduk.

Soalan kaola, apakah perancangan kementerian untuk menangani isu cabaran ini bagi persediaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Temburong pada masa terdekat dan akan datang, menambah peralatan anggota bomba dan penyelamat Daerah Temburong. Sukacita juga kaola ingin bertanya, apakah ada program galakan kepada anggota Bomba dan Penyelamat yang sudah berusia 50 tahun ke atas?. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima

kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Satu Kampung Satu Produk telah pun dilaung-laungkan supaya dapat dipertingkatkan sekian lama, jadi tujuannya untuk diperkasakan tetapi wujudnya belum menyeluruh dan belum sampai kepada tahap yang diharapkan untuk pasaran dalam negeri mahupun di luar negeri. Perlu ada beberapa pembaikan seperti kawalan mutu, peratus kandungan bahan, jangka hayat produk, pembungkusan dan permasalahan mendapatkan Logo Halal.

Jadi soalan kaola, apakah pelaksanaan seterusnya akan dilakukan oleh pihak berkenaan bagi membantu penduduk-penduduk berkenaan bagi meningkatkan produk mereka dalam Satu Kampung Satu Produk (1K1P)?.

Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, merupakan tulang belakang kepada penghulu dan ketua kampung untuk melaksanakan apa juga aktiviti sehingga terangkat dan berjayanya mukim dan kampung tersebut dalam menjalankan berbagai-bagai projek dan aktiviti kemasyarakatan, perekonomian, keagamaan, kesukanan dan lain-lain.

Ada antara Ahli Jawatankuasa ini, berkhidmat aktif secara sukarela mencapai 10 tahun atau lebih dengan tidak kenal jemu. Soalan kaola, adakah perancangan untuk memendekkan masa menjadi ahli jawatankuasa ini dari 5 tahun kepada 2 tahun atau 3 tahun sahaja? Dicalangkan juga supaya ahli jawatankuasa yang berpotensi ini diberikan penghargaan bagi mengenangkan jasa mereka sempena Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) seperti mana juga adanya Anugerah Belia sempena Hari Belia.

Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong. Lebih dahulu diucapkan tahniah ke atas Jabatan Lembaga Bandaran Tutong yang telah banyak melaksanakan pembangunan dan kemajuan di sekitar kawasan. Antaranya pembinaan landskap yang cantik dan bersih, termasuk juga pembinaan kemudahan untuk perniagaan seperti jualan makanan dan minuman, bangunan tamu dan gerai malam semata-mata untuk membantu penduduk untuk berkecimpung dalam bidang perusahan.

Soalan kaola, adakah perancangan untuk membina atap bagi bangunan gerai malam di tepi Sungai Tutong yang dahulunya adalah bangunan pasar lama supaya bahagian atas tersebut dapat digunakan untuk perniagaan juga?

Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong. Pegawai Pentadbir yang ditempatkan di Pejabat Daerah Tutong sering sahaja bertukar ganti, paling lama pun 2 tahun. Ini menjejaskan pentadbiran Daerah Tutong kerana pengalaman-pengalaman

yang diperolehi oleh pegawai-pegawai tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya. Kaola cadangkan supaya mereka ini ditetapkan sekurang-kurangnya dalam 5 tahun agar pengalaman-pengalaman ini, tentang hal ehwal Daerah Tutong dapat digunakan untuk kemudahan di Daerah Tutong.

Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tugas dan tanggungjawab anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat sangat mencabar dan berbahaya, berisiko tinggi menghadapi berbagai-bagai kemalangan dan penyakit kesan toksik semasa memadam kebakaran. Selain itu, mempunyai tugas menyelamatkan mangsa kemalangan sama ada di darat, di sungai atau di laut. Semua tugas yang disebutkan di atas memerlukan kepakaran dan kecergasan tinggi, misalannya bagi mengangkat peralatan berat, menarik hos, naik bangunan dan lain-lain.

Soalan kaola, adakah kajian untuk mendapatkan statistik jenis penyakit yang dihadapi anggota Bomba dan Penyelamat sama ada masih dalam perkhidmatan atau yang sudah bersara kerana ada terdapat anggota Bomba dan Penyelamat yang meninggal ketika masih dalam perkhidmatan. Adakah pemikiran untuk memberikan insentif yang bersesuaian kepada anggota Bomba dan Penyelamat yang masih berkhidmat dan juga kepada balu yang kematian suaminya semasa dalam perkhidmatan? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 3 Tajuk untuk disuarakan iaitu Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait dan Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai makluman kita semua bahawa kejadian kebakaran di hutan dari *Lumut Bypass* hingga membawa ke *Mumong Bypass* telah berlaku dalam beberapa bulan ini. Kejadian kebakaran ini berlaku setiap tahun. Alhamdulillah, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat telah berusaha gigih dan bersungguh-sungguh dalam menangani kebakaran tersebut serta dibantu oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan.

Oleh sebab kebakaran ini sering berlaku tiap-tiap tahun, kaola ingin mencadangkan supaya pihak-pihak yang berkaitan bukan sahaja pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dapat menimbangkan untuk mengambil inisiatif menggunakan lagun-lagun yang terdapat di kawasan-kawasan tersebut sebagai sumber mendapatkan air bagi memadam kebakaran yang memusnahkan khazanah hutan negara.

Melalui pengalaman dua tahun yang lalu banyak cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak Bomba dan Penyelamat iaitu antara lain sukar bagi mendapatkan bekalan air. Oleh sebab lagun-lagun yang kaola sebutkan itu berada jauh dari jalan raya dan tidak mudah diakses, dengan itu dicadangkan supaya kawasan-kawasan yang sering terbakar itu dibanjiri atau *flooded* dengan kaedah membuat saluran kecil (*small canal*) ke seluruh kawasan yang sering terbakar itu.

Perkara kedua, mengenai Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung di seluruh negara, seperti yang disuarakan oleh teman Yang Berhormat tadi, walau bagaimanapun, kaola menambah sedikit iaitu beberapa tahun ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah di seluruh negara telah mengeluarkan iklan-iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung.

Apa yang kaola maklum respons yang diterima kurang menggalakkan dan ada sesetengah jawatan itu diiklankan beberapa kali. Kaola ingin bertanya:-

1. Adakah pihak kementerian membuat penyelidikan? Mengapakah kurangnya respons diterima terhadap iklan-iklan yang dikeluarkan itu?;
2. Adakah disebabkan syarat-syarat yang dikehendaki bagi mengisi jawatan tersebut terlalu ketat?; dan

3. Soalan seterusnya ialah Jabatan Daerah Belait. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Daerah Belait atas pemberian *quotation* kepada Majlis Perundingan Kampung Lumut I dalam pemeliharaan Balai Raya Lumut dan juga sekitar kawasan landskapnya. Kaola berharap *quotation* sedemikian ini dapat dilaratkan kepada kerja-kerja yang lain yang mampu diungkayahkan oleh Majlis-Majlis Perundingan Kampung yang lain di daerah tersebut dan di daerah-daerah yang lain juga.

Jabatan Daerah Belait juga sebelum ini pernah membina 2 buah rumah untuk orang kurang upaya di Kampung Lumut I. Dalam perjumpaan Ahli Majlis Perundingan Mukim Labi kira-kira pada tahun 2008, mereka mencadangkan supaya rumah jenis yang yang dibina sedemikian itu dapat dibina di Mukim Labi bagi menempatkan orang-orang yang kurang upaya di mukim tersebut. Jika mereka menetap di mukim mereka sendiri sekurang-kurangnya memudahkan mereka untuk mencari pendapatan dengan cara bercucuk tanam iaitu pekerjaan yang biasa mereka lakukan. Tetapi jika mereka dipindahkan dikawasan bandar akan menyusahkan lagi kehidupan mereka.

Tempoh pemegang Ahli Jawatankuasa Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara, sebelum ini tempoh sesorang itu memegangnya selama 2 tahun, kemudian ditambah ke 5 tahun hingga sekarang. Kaola menyokong

cadangan yang disuarakan oleh teman Yang Berhormat tadi supaya tempoh memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu yang telah dinyatakan oleh teman tadi sama ada dikurangkan sepertiga tahun sahaja. Sekian yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pembentangan belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri oleh Yang Behormat Menteri tadi.

Kaola dalam perkara ini menyokong usul yang telah dibawakan oleh rakan kaola iaitu Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Pertumbuhan ekonomi dalam kalangan para penduduk kampung dan mukim memainkan peranan yang penting dan sangat signifikan dalam pertumbuhan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara secara berterusan. Banyak produk kampung yang berpotensi untuk diperkembangkan seperti kuih-kuih kering, kraftangan, pertanian dan perladangan yang perlu diberikan perhatian. Oleh yang demikian, dalam kesempatan Yang Berhormat Pengerusi

kaola ingin mencadangkan supaya keperluan seperti pusat ataupun *one stop center* diperlukan di semua daerah di negara ini agar dapat penduduk-penduduk ataupun kampung-kampung mengeluarkan hasil produk mereka di pusat berkenaan.

Setiap penduduk kampung dan mukim hendaklah juga kitani tanamkan budaya ingin maju dan bersaing dengan sihat agar menjadi masyarakat yang lebih maju dan bertanggungjawab. Perpaduan masyarakat kampung dan mukim adalah sangat mustahak, untuk itu perlu mereka ini didedahkan dan diberikan kemahiran-kemahiran yang tertentu dalam sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan keamanan kampung dan mukim berjalan dengan baik.

Keselamatan kampung dan mukim perlu juga diambil kira dan dipertingkatkan. Jesteru, itu AJK atau MPK keselamatan kampung dan pengawasan kejurangan hendaklah bersikap proaktif dan komited dalam perkara ini. Kaola juga menyokong supaya Majlis Perundingan Kampung yang telah banyak menyumbangkan jasa bakti kepada kampung, daerah, bangsa dan negara akan dapat pengiktirafan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam kesempatan ini kaola hanya mengongsikan 2 perkara sahaja yang berhubung kait dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:-

1. Tuntutan cukai pintu yang dikenakan kepada semua bangunan di dalam kawasan Lembaga Bandaran yang telah lama diperkenalkan sejak beberapa tahun dulu sebelum kita mencapai kemerdekaan hingga pada masa kini.

Cukai dikenakan adalah bertujuan sebagai imbal balik ke atas kemudahan-kemudahan prasarana yang disediakan oleh kerajaan yang terdapat dalam kawasan Lembaga Bandaran. Pada masa ini setelah negara kita mencapai kemerdekaan kemudahan-kemudahan yang sama telah disalurkan ke kampung-kampung pedalaman seperti bekalan air, elektrik, telefon, jalan raya yang berturap aspal, sistem peparitan yang teratur dan pengangkutan sampah yang tersedia tanpa sebarang tuntutan yang cukai dikenakan.

Dalam hal ini, sebagai membudayakan rakyat sentiasa menghargai segala prasarana yang disediakan di kawasan kampung itu, maka kaola rasa tidak keterlaluan bagi rakyat pedalaman memberikan sumbangan imbal balik dengan dikenakan cukai pintu dengan kadar yang difikirkan bersesuaian. Perkara

ini dicadangkan setelah kita melihat tahap kehidupan rakyat dalam bandar dan di luar bandar hampir-hampir seimbang dengan adanya penyediaan prasarana yang telah disediakan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari semasa ke semasa sekali gus untuk meningkatkan menjana hasil negara pada masa yang akan datang; dan

2. Menyentuh dengan perkhidmatan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di seluruh Negara. Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas perhatian yang diambil ke atasnya. Dalam hal yang sama, kaola juga ingin menyuarakan mengenai ketua-ketua rumah panjang yang sebahagiannya belum ada penggantinya setelah ketua rumah panjang itu bersara disebabkan fakta umur.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola rasa perkhidmatan ketua rumah panjang itu masih diperlukan di sebuah rumah panjang sebagai pemegang adat resam dan juga menjaga hal-ehwal puak Iban yang tinggal di rumah panjang. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita jemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga

mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola hanya menimbulkan satu perkara sahaja.

Pada masa kini kerajaan sedang bergiat memperbaiki kedudukan negara *World Bank Ranking Ease Of Doing Business*. Antara usaha yang dibuat ialah mempercepatkan untuk memulakan perniagaan. Ke arah ini tindakan yang telah dibuat ialah untuk menyediakan Lesen Rampaian sebelum memulakan perniagaan di beberapa buah bidang perniagaan. Dalam masa yang sama kaola juga tertarik dengan petunjuk prestasi utama atau *KPI* Jabatan Buruh yang mengatakan peratus majikan dan pekerja yang tidak mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja 2009 ialah sebanyak 90 peratus iaitu 1 peratus yang sangat tinggi. Sementara kes majikan dan pekerja yang tidak mematuhi Perintah Kerja 2009 sebanyak 40 peratus.

Di sini kaola hendak menimbulkan 2 soalan sahaja:-

1. Dalam keadaan sesiapa saja yang boleh memulakan perniagaan tanpa mendapatkan Lesen Rampaian lebih dulu, bagaimanakah Jabatan Buruh akan dapat mengawal dan melaksanakan kedua-dua perintah yang kaola sebutkan di atas dan seterusnya berjaya mengurangkan peratus majikan dan pekerja yang tidak mematuhi perintah-perintah tersebut?; dan

2. Berapakah jumlah pendapatan kewangan kerajaan yang di diramalkan akan hilang berikutan daripada tindakan penghapusan penggunaan Lesen Rampaian kepada sejumlah besar bidang perniagaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah ke atas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang telah disampaikan tadi. Alhamdulillah, pergerakan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung begitu aktif menjayakan apa-apa juga sebarang aktiviti bagi menyatu padukan penduduk-penduduk di mukim dan kampung. Seperti mengadakan beberapa aktiviti berkebajikan khusus bagi kampung-kampung seperti pendidikan, keagamaan, kebudayaan, kesukanan dan lain-lain.

Dalam hubungan ini, kaola melihat Peruntukan Belanjawan Tahun 2016 - 2017, Peruntukan yang khusus bagi aktiviti-aktiviti tahun ini ditiadakan. Dalam hubungan ini, kaola ingin mengetahui apa kedudukan peruntukan

tersebut. Jabatan Buruh. Kaola menyokong cadangan daripada rakan-rakan sejawatan mengenai pembantu rumah.

Dalam hubungan ini, kaola mencadangkan juga terutamanya kepada ejen-ejen yang mendatangkan pembantu rumah supaya apabila menandatangani perjanjian antara majikan dan pekerja hendaklah di hadapan wakil Jabatan Buruh yang pada masa ini mereka hanya menyerahkan borang tersebut kepada majikan dan menyuruh ditandatangani saja, tidak di hadapan pihak Jabatan Buruh. Maka dari sini seperti nampak ada penipuan dan sebagainya, terutamanya tentang pembayaran gaji.

Ada antara gajinya B\$300 dan juga B\$350. Perkara ini akan dapat diselaraskan bersama dengan pegawai ataupun pegawai yang diamanahkan oleh Jabatan Buruh menangani surat perjanjian ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA01A - Jawatan Penghulu/Ketua Kampung, sebagaimana yang disentuh oleh rakan sejawatan tadi dengan tujuannya masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi, Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung merupakan satu institusi tertua di negara ini. Kewujudannya bertujuan menyatupadukan masyarakat setempat dari kalangan pelbagai kaum, agama dan budaya. Jawatan Ketua atau Penghulu Kampung ini amat penting sebagai melambangkan perpaduan, keharmonian dan kedamaian bagi masyarakat seluruhnya. Di samping itu ia sebagai pengantara atau mata telinga pihak kerajaan sebagai penghubung maklumat antara rakyat dan pemerintah.

Yang Berhormat Pengerusi. Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung bagi sesebuah kampung atau mukim dianggap sebagai indung kepada semua penduduk dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk sama ada berhubung dengan pemerintah mahupun masalah setempat seperti mengenai adat, budaya, sosial, keharmonian kampung dan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan adanya perubahan tangga gaji yang baharu bagi Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung pada masa ini, maka ia merupakan satu jawatan penting yang perlu diisi bagi mana-mana kampung yang masih belum ada penggantinya.

Dengan terisinya jawatan yang kosong ini nanti maka akan lebih memberikan manfaat dan keberkesanan urusan yang bersangkutan dengan kemajuan

keharmonian dan keperluan penduduk-penduduk kampung berkenaan.

Untuk makluman, ada antara Jawatan Ketua Kampung yang masih kosong bertahun-tahun lamanya belum lagi diganti atau diisi, hanya sekadar dipangku oleh ketua-ketua kampung dalam mukim berkenaan saja. Ada antara seorang ketua kampung itu diberi tugas memangku 3 buah kampung, selain menjalankan tugas di kampungnya sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, keadaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku terlalu lama dan berpanjangan. Jawatan Penghulu atau Ketua Kampung tidak diganti atau diisi kerana setiap mukim dan kampung itu telah ada jawatankuasa masing-masing yang dikenali Jawatankuasa Mukim dan Jawatankuasa Kampung yang telah dipilih bagi menjalankan tugas masing-masing seperti Timbalan Pengerusi, Setiausaha serta jawatan-jawatan lain yang telah pun diiktiraf oleh pihak berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Pada pendapat kaola, mereka yang terlibat dalam badan yang berkenaan atau Jawatankuasa Kampung dan Mukim berhak menyuarakan bagi menyelesaikan dan memberi cadangan untuk mengganti jawatan yang kosong supaya ia dapat diisi atau diganti dan tidak memerlukan masa yang terlalu lama. Jawatan Ketua Kampung itu adalah jawatan yang penting.

Umum mengetahui bahawa tradisi pada masa lalu dan terkini, jawatan Ketua

atau Penghulu adalah terdiri daripada kalangan lelaki saja. Jadi monopoli pihak lelaki. Pada pendapat kaola, mengapa jawatan Penghulu atau Ketua Kampung hanya terdiri daripada kaum lelaki saja. Jawapannya, situasi pada ketika dulu memerlukan tenaga, ketangkasan serta keberanian dalam menyelesaikan sebarang masalah anak buah kampung di bawah pengawasan masing-masing.

Selain itu, perhubungan antara satu kampung ke satu kampung atau dari satu tempat ke satu tempat tidak seperti yang terdapat pada masa kini, (hubungan jalan raya dan telekomunikasi dapat dilalui dengan mudah dan berada di hujung jari dan mengambil masa yang singkat). Semua masalah dapat diselesaikan dengan mudah, cepat dan tempat.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab keadaan sudah banyak berubah, dan sesuai dengan situasi semasa dan keperluan yang memerlukan perubahan lebih canggih, maka kaola mencadangkan supaya jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang masih kosong dibukakan kepada kaum wanita untuk memberi peluang memimpin masyarakat di kampung kerana kepimpinan pada masa ini sudah terbuka dan tidak terhad atau terletak kepada jantina atau pun *gender* seseorang. Yang penting ialah sifat kepimpinan, keluhuran, ilmu pengetahuan, budi bahasa, ketelusan, bertanggungjawab serta mempunyai daya usaha mengikuti perkembangan semasa.

Cadangan ini bertujuan supaya kaum wanita diberi peluang dan sama-sama memimpin masyarakat, sesuai dengan peredaran zaman bahawa ada terdapat kaum wanita menjadi presiden, perdana menteri, menteri dan pegawai daerah. Dan baru-baru ini, di sebuah negara jiran jawatan Penghulu dan Ketua Kampung telah dilantik dari kalangan wanita. Oleh itu, kaola dengan ini memaklumkan ianya satu peralihan dan cabaran pada kaum Adam. Soalan kaola seperti berikut:-

1. Adakah Kementerian bersedia untuk membuka jawatan Penghulu dan Ketua Kampung ini kepada kaum wanita?; dan
2. Tajuk SA04A - Lembaga Bandaran. Bangunan pasar tamu telah digunakan sejak beberapa tahun lepas, tetapi kawasan petak (letak kereta) tidak mencukupi kerana ramai penamu yang mengambil bahagian, terutama sekali pada hari Khamis di Pekan Tutong. Untuk memberi peluang kepada penamu-penamu yang belum mendapat tempat pada hari Khamis, makanya dicadangkan ruang pasar yang ada diuntukkan bagi peniaga berjual sayur di ruang yang masih belum digunakan sejak bangunan tersebut diguna pakai. Ia perlulah diubah suai untuk menempatkan penamu-penamu yang belum mendapat tempat.

Yang Berhormat Pengerusi, bagi mengubah suai ruang/bilik tersebut ia memerlukan kewangan perbelanjaan

besar. Dari itu kaola memohonkan peruntukan kewangan bagi melaksanakan pengubahsuaian bangunan tersebut. Soalan kaola:-

1. Adakah peruntukan Lembaga Bandaran untuk mengubah suai ruangan pasar tamu seperti dicadangkan?; dan
2. Tajuk SEA5A - Banci Buruh pada tahun lepas iaitu 2015. Pihak Jabatan Buruh telah mengambil langkah yang canggih dengan memberi peluang kepada semua syarikat bagi membuat dan mengemaskini Laporan Banci Tahunan Tenaga Buruh menggunakan *online (e-government)*. Diucapkan tahniah dan syabas kerana ia merupakan satu kemajuan sesuai dengan perkembangan global dan semasa. Dengan erti kata lain, dengan adanya sistem baharu tersebut tidak perlu lagi menggunakan borang (kertas yang pada lazimnya digunakan pada masa-masa lalu), memadailah pihak syarikat memberi satu tanda (slip penerimaan pendaftaran daripada Jabatan Buruh dan dokumen-dokumen dikehendaki) seperti salinan Borang 16, 17 dan Lesen Mengambil dan Menggaji Pekerja-Pekerja Asing (*quota*). Jabatan Buruh meminta e-mail syarikat masing-masing.

Setelah itu Jabatan Buruh memberi nama pengguna (*username*) dan kata laluan (*password*) syarikat

masing-masing untuk memudahkan memasuki laman web Jabatan Buruh.

Setiap syarikat diakses ke jabatan-jabatan yang dikhaskan seperti Jabatan Elektrik bagi pendaftaran laman *Web* dan mendapatkan kata laluan saluran *e-government*. Ini merupakan satu kemudahan bagi semua syarikat tempatan untuk menyelesaikan masalah dengan pihak jabatan-jabatan yang diperlukan. Terima kasih atas tindakan memberi kemudahan kepada semua pihak.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab cara ini satu perkara baharu bagi membuat Laporan Banci kepada Jabatan Buruh makanya berbagai masalah telah dihadapi oleh syarikat-syarikat ketika hendak cuba mengisi *data* peribadi dan hal-hal syarikat dalam laman *web* berkenaan seperti apa yang dikehendaki oleh Jabatan Buruh. Masalah yang utama ialah laluan (*line*) sentiasa penuh (*loading*) walaupun dicuba pada waktu malam ia masih sukar untuk mendapatkan laluan *online* kerana didapati sentiasa penuh. Sistem tersebut mungkin mengalami masalah semasa untuk mengisi maklumat ketika mendaftar dalam laman web tersebut yang menyebabkan tidak ada respons ketika cuba mengisinya.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh itu pada masa akan datang kaola ingin mencadangkan supaya beberapa cara jadual dibuat, sebagai contoh Pejabat Buruh boleh membuat jadual

penghantaran menggunakan saluran *online* bagi menerima laporan banci bermula. Misalnya pada 1 Oktober hingga 31 Oktober.

Bagi syarikat-syarikat yang pekerja 100 orang ke bawah pada 1 November sehingga 15 November bagi syarikat-syarikat yang mempunyai 101 orang ke 150 orang pekerja dan 16 November hingga 30 November bagi syarikat-syarikat mempunyai 151 orang pekerja ke atas. Atau Pejabat Buruh bolehlah menerima sementara laporan Banci 205 sahaja iaitu Laporan Biasa bagi syarikat-syarikat pekerjanya tidak lebih daripada 50 orang pekerja.

Cadangan ini bertujuan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perniagaan bagi mengatasi laporan mengenai penggunaan tenaga pekerja masing-masing seperti lazimnya dibuat setiap tahun. Dengan ini juga jabatan berkenaan akan mengkaji semula tatacara penghantaran Banci Laporan tenaga pekerja untuk memberi kemudahan, kemanfaatan bersama antara Jabatan Buruh dan syarikat-syarikat seperti yang ada di negara ini.

Soalan kaola, adakah Jabatan Buruh akan mengkaji sistem yang ada supaya kedua-dua pihak iaitu syarikat perniagaan dan Jabatan Buruh sama-sama mendapat manfaatnya seperti tarikh tutup Banci Buruh dapat ditepati iaitu pada kebiasaannya ialah pada 31 November?. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar banyak soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Maka saya cadangkan supaya kita tangguhkan. Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita bersidang semula dipersidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka untuk mencadangkan supaya Mesyuarat ini kita tangguhkan bagi membolehkan kita berehat sebelah tengah hari. Insya-Allah kita akan menyambung semula pada pukul 2.30 petang nanti. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)